

TATAKELAKUAN PEMBEKAL

Tatakelakuan Pembekal ini merupakan sebahagian daripada Cara Synthomer melakukan perniagaan. Ia mencerminkan cara kami bekerja sesama kami dan bersama pihak berkepentingan. Ia merupakan contoh kepercayaan dan nilai kami terhadap budaya yang pelbagai dan terbuka, dan bekerja dengan cara yang bertanggungjawab dan mampan. Ini adalah polisi dokumen yang ditulis untuk dan daripada perspektif pembekal yang berkembang berdasarkan Tatakelakuan kami, nilai teras kami dan Polisi Perolehan yang Bertanggungjawab. Synthomer hanya akan mengurus niaga dengan pembekal bertanggungjawab yang mematuhi Tatakelakuan Pembekal ini atau peraturan atau polisinya sendiri yang menetapkan piawaian setara.

Tatakelakuan Pembekal ini dijadikan sebagai panduan praktis untuk memberitahu dan membantu pembekal kami melindungi reputasi kami dan mendukung nilai kami yang mana, ia pula, akan juga dapat melindungi reputasi pembekal kami. Jika anda tidak pasti bagaimana sesebuah aspek berkaitan dengan anda, anda boleh minta bantuan dengan memberitahu kebimbangan anda kepada kenalan perniagaan Synthomer anda.



Tenaga Kerja

Synthomer komited sepenuhnya dalam memastikan layanan yang adil, sopan dan penuh hormat kepada para pekerjaannya dan kesemua pihak berkepentingannya, dan kami menghendaki pembekal kami untuk melakukan yang sama.

Sebagai pembekal Synthomer, anda mesti:

- ✓ Komited untuk mengekalkan tempat kerja terangkum yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi berdasarkan status seseorang seperti kaum, usia, jantina, orientasi seksual, kurang keupayaan, agama atau sebarang faktor lain yang dilindungi oleh undang-undang.
 - ✓ Tidak bertolak ansur terhadap gangguan seksual, intimidasi, sikap bermusuhan atau menyinggung perasaan di tempat kerja dan mencegah sikap bermusuhan atau mengintimidasi dan melaporkan sebarang kejadian penderaan yang berlaku di tempat kerja di tapak-tapak Synthomer.
 - ✓ Pastikan kehadiran setiap pekerja adalah dengan sukarela. Ini secara khususnya melarang semua bentuk buruh tahanan, buruh terikat, buruh perhambaan, atau lain-lain bentuk buruh wajib atau pemerdagangan manusia.
 - ✓ Statistik global menunjukkan bahawa wanita, secara tidak seimbang, berisiko dijadikan buruh paksa dan oleh demikian kami menghendaki pembekal kami untuk peka tentang ini.
 - ✓ Pembekal dikehendaki untuk tidak terlibat dalam atau membiarkan pengambilan atau pengeksploitasi kanak-kanak untuk bekerja yang menyalahi undang-undang. Mengakui kebebasan pekerja untuk menubuhkan atau menyertai organisasi pilihan mereka, dan untuk tidak menahan pekerja daripada menyertai organisasi sedemikian dan untuk tawar-menawar secara kolektif.
- Berusaha untuk memenuhi jangkaan yang diletakkan pada perniagaan untuk menghormati Prinsip Panduan Badan-badan Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.



Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran

Synthomer mengeluarkan kimia khusus melalui proses pengeluaran yang rumit secara berskala besar, dengan menggunakan bahan mentah berbahaya. Oleh kerana itu, kami berpegang teguh pada piawaian tertinggi terhadap keselamatan, kesihatan dan persekitaran pada seluruh perniagaan, dan kami menghendaki pembekal kami untuk melakukan yang sama.

Sebagai pembekal Synthomer, anda mesti:

- ✓ Sentiasa patuh dan ikuti Prinsip KKP (Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran) dan 10 Pedoman Penting Synthomer apabila berada di tapak Synthomer.
- ✓ Komited kepada piawaian tertinggi kesihatan dan keselamatan.
- ✓ Bekerjasama dengan pengawal atur Synthomer dan/atau pengawal atur tempatan untuk pastikan semua peraturan kesihatan dan keselamatan mematuhi undang-undang.
- ✓ Bantu Synthomer kurangkan kesan pada persekitaran yang dihasilkan oleh aktiviti kami dan kurangkan penggunaan sumber.



Perniagaan

Synthomer menghendaki semua pembekal kami untuk patuh pada semua undang-undang tempatan, serantau, dan antarabangsa, peraturan, dan piawaian yang digunakan di dalam pasaran yang mereka beroperasi. Oleh yang demikian, kami harus berhati-hati dalam memilih pembekal yang bekerjasama dengan kami untuk memastikan bahawa mereka mempunyai komitmen yang sama seperti kami untuk melakukan perniagaan secara sah dan beretika.

Sebagai pembekal Synthomer, anda mesti:

- ✓ Tidak terlibat dalam apa-apa bentuk amalan rasuah, penipuan, pengelakan cukai atau sogokan.
- ✓ Tidak terlibat dalam amalan anti-persaingan seperti penetapan harga, peruntukan pasaran atau penyalahgunaan kuasa.
- ✓ Hanya guna harta benda dan maklumat milik Synthomer untuk tujuan perniagaan dan lindungi kerahsiaan maklumat Synthomer yang sulit dan/atau sensitif secara komersial dan hanya dedahkannya apabila diberi kuasa untuk berbuat demikian dan dengan cara yang sewajarnya.
- ✓ Pastikan bahawa anda tidak mempunyai urusan perniagaan dengan organisasi, individu atau negara yang dikenakan sekatan dan anda tidak akan mengeksport barangan kami melalui negara yang disekat tanpa kebenaran dari kami terdahulu.

Perlindungan Data

Sebagai pembekal Synthomer, anda komited untuk melindungi sebarang maklumat berkaitan kami yang anda miliki daripada kehilangan, kerosakan dan/atau penyalahgunaan, termasuk melindungi kerahsiaan maklumat syarikat yang sulit dan/atau sensitif secara komersial atau kompetitif, serta memastikan privasi data peribadi individu. Polisi Perlindungan Data anda seharusnya selaras dengan GDPR (atau yang setara) dalam negara yang anda beroperasi.



Audit dan Penamatan Perjanjian

Dari semasa ke semasa, Synthomer boleh meminta akses kepada kemudahan pembekal kami untuk mengaudit pematuan Tatakelakuan Pembekal ini. Sekiranya pembekal tidak mematuhi Tatakelakuan Pembekal ini, Synthomer boleh meminta pembekal untuk melaksanakan pelan tindakan pembetulan untuk memperbetulkan sebarang ketidakpatuhan. Jika ketidakpatuhan tersebut tidak dapat diperbetulkan, atau dalam hal ketidakpatuhan dalam bahan atau ketidakpatuhan yang berterusan berlaku, Synthomer boleh menamatkan perhubungan perniagaan. Tatakelakuan Pembekal ini adalah tambahan kepada kewajipan pembekal seperti yang ditetapkan dalam mana-mana perjanjian antara Synthomer dan Pembekal (termasuk yang ditetapkan dalam terma dan syarat pembelian standard yang terdapat di www.synthomer.com/tc, setakat mana yang berkenaan).

